

Meor Abdul Rahman dalam tahun 1962. Sejak itu silat seni gayung ini telah mendapat sambutan yang hangat di kalangan masyarakat samada di Malaysia mahupun di Singapura.

Silat ini mempunyai seni tempur yang tinggi mutunya, pergerakannya hebat, ke-mas dan cepat. Juga didapati silat seni gayung ini boleh mengatasi seni Tae Kwan Do dan Karate.

Pada tahun 1971 KEMENTERIAH telah bersetuju seni ini dipertingkatkan kepada seluruh ahli ang-bertempur tanpa sensata. Markas Tujuh Briged Infanteri Malaysia yang berpusat di sini, telah diarah mengadakan sekali lagi kursus tersebut kepada wakil-wakil yunit di dalam pasukan Briged ke Tujuh itu.

Kursus pertama seramai 40 orang telah di-adakan pada bulan Julai tahun lepas, sementara kursus kedua pula telah dijalankan awal Januari tahun ini dan beberapa kursus lagi akan diada-

TAMAT KURSUS

Silat seni gayung ini mempunyai tingkatan, gred dan bengkungnya sendiri mengikut penga-laman dan kebolehan anggota-anggotanya. Antara lain bengkung-bengkungnya itu ialah: Bengkung Putih — setelah menjalani kursus se-lama 5 minggu, Bengkung Hijau — setelah men-jalani latihan setahun lagi, Bengkung Merah — setelah, menjalani latihan 2 tahun lagi, Bengkung Kuning — setelah ditambah 2 tahun lagi dan akhirnya, Bengkung Hitam — berpengalaman tidak kurang 10 tahun — yang terbahagi kepada tujuh tingkatan pula.

Majlis penutup tamat kursus peringkat asas (Bengkung Putih) kepada 20 orang anggota diadakan di Stesyen Keluang baru-baru ini.

Turut hadir di upacara majlis penutup itu ialah Panglima Briged Ke 7, Brigedier Jeneral Zain Hashim, serta pegawai-pegawai dari yunit masing-masing.

Di dalam ucapannya Brigedier Jeneral Zain Hashim menyatakan bahawa tujuan besar penubuhan Silat Seni Gayung Angkatan Tentera ini adalah untuk menghidupkan semula serta mengem-bangkan ilmu tersebut di kalangan angkatan tentera.

“Di samping itu juga menggalakkan setiap ahli angkatan tentera berpersaingan persaudaraan serta muhibbah lahir secara permalian ataupun bersukan,” kata Jeneral Zain lagi.

Anggota-anggota yang telah tamat mengikuti kursus ini di hari penutup itu telah menunjukkan beberapa jenis silat seni gayung, antaranya ialah: Gerakan Anak Hartman, Tengling Anak Hartman, Elakan Tapak, Buah Tapak, Serangan Hartman, Pertunjukan Khias dari penuntut dan jurulatih dan upacara memecah genting.

JALAN LANCAR

Kursus kali kedua ini telah berjalan dengan lancar di bawah asuhan dan jurulatih 3 orang terdiri dari Kopral Janis selaku ketua dan L/Kopral Jafar, kedua-duanya dari Enam Me-layu Diraja, juga dari L/Kopral Rahim, Empatbe-las Melayu Diraja.

Bellau menyertu Ketua-ketua Pegawai di tiap-tiap yunit supaya berusaha mengembangkan seni ini di kalangan anggotanya dengan mengadakan kursus di peringkat yunit. Brigedier Jeneral Zain berharap mereka yang telah tamat sentiasa berlatih bahawa jangan di-sesekali menyalahgunakan ilmu yang baharu di-peolehinya itu, kerana perbuatan sedemikian akan membawa padah dan akibat yang buruk.

rencana dan gambar? oleh MOHD. A. WAHAB

Sebahagian dari anggota tentera kelihatan sedang menahan genting untuk dipecahkan oleh seorang rakannya dalam menguji seandainya mana kebolehannya.

